

26/02/2003

Arafat turut sertai sidang pleno

WALAUPUN tidak dapat hadir pada sidang kemuncak NAM di sini, Presiden Yasser Arafat turut menyertai sidang pleno semalam menerusi rakaman video dengan meminta ketua negara pergerakan itu menghantar misi mencari fakta ke Palestin.

Berucap dalam bahasa Arab kira-kira 15 minit, Arafat berkata, penghantaran misi itu membolehkan NAM melihat secara dekat keadaan di Palestin dan kesengsaraan rakyat negara itu.

"Atas nama rakyat Palestin, saya merayu anda (ketua negara NAM) agar dapat melakukan sesuatu terhadap perjuangan rakyat Palestin untuk membebaskan bumi kami daripada kekejaman Israel yang seolah-olah tiada kesudahan," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) itu juga meminta NAM menterjemahkan resolusi sidang kemuncak kali ini sebagai satu tindakan konkrit bagi menghentikan segera keganasan Israel di bumi Palestin.

Sambil melahirkan kekecewaannya kerana tidak dapat hadir pada sidang kemuncak ini, beliau berkata dasar kejam dan ganas Israel terhadap rakyat Palestin menggagalkan banyak resolusi serta perjanjian bagi menghentikan penderitaan mereka.

"Saya sememangnya mahu berada di Kuala Lumpur bersama anda serta rakyat Palestin lain dan kami akan terus berjuang sehingga cahaya kebebasan muncul bersama sokongan anda," katanya.

Sebaik Arafat selesai menyampaikan ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan sidang pleno itu, memberi jaminan NAM akan terus memberi sokongan padu kepada usaha membebaskan Palestin daripada kekejaman Zionis.